

MAHATHIR-CHONG EU 222

JITRA, 11 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PENDUDUK PULAU PINANG AKAN KERUGIAN JIKA KETUA MENTERI DR LIM CHONG EU TIDAK DIPILIH SEMULA BAGI KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI PADANG KOTA PADA PILIHAN RAYA UMUM INI.

+AMATLAH MERUGIKAN BAGI PULAU PINANG KALAU (DR LIM) CHONG EU TIDAK DIPILIH SEMULA,+ KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS BELIAU MENYERAHKAN BORANG PENCALONANNYA UNTUK BERTANDING KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU DI SINI.

KATANYA, INI KERANA PENGALAMAN LUAS DR LIM AMAT BERGUNA KEPADA NEGERI ITU LEBIH-LEBIH LAGI MEMANDANGKAN KEMATANGANNYA DALAM BIDANG POLITIK DAN PENTADBIRAN.

+NAMPAK SEOLAH-OLAH DAP SENGAJA NAK MENIMBULKAN MASALAH BAGI PENGUNDI-PENGUNDI DI PULAU PINANG,+ KATANYA SEBAGAI MENGULAS KEPUTUSAN SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LIM KIT SIANG UNTUK BERTANDING MENENTANG KETUA MENTERI ITU DI KAWASAN PADANG KOTA.

NAMUN BEGITU, PERDANA MENTERI YAKIN DR LIM AKAN TERUS MENDAPAT SOKONGAN DARIPADA PENGUNDI PULAU PINANG. -- LAGI

MAHATHIR - CHONG EU 2 JITRA

+KALAU DIA TAK LAWAN DENGAN CHONG EU, PENGUNDI-PENGUNDI BOLEHLAH PILIH DIA PUN DAN CHONG EU PUN. TETAPI SENGAJA DIA NAK MENIMBULKAN PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG PULAU PINANG, MAKA DIA SENGAJA BERTANDING DENGAN CHONG EU,+ JELASNYA.

ENCIK LIM KIT SIANG JUGA AKAN MEMPERTAHAKAN KERUSI PARLIMEN BAGI KAWASAN TANJUNG DI PULAU PINANG.

BARISAN NASIONAL MENGALU-ALUKAN PERTANDINGAN ITU, KATANYA DAN MENAMBAH +KITA AKAN TENGOKLAH (SIAPA AKAN MENANG)+.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PARTI-PARTI PEMBANGKANG SUDAH MENUNJUKKAN BAHAWA MEREKA TIDAK BOLEH BEKERJASAMA SEBELUM MENUBUHKAN KERAJAAN APABILA MEREKA MENUBUHKAN SATU LAGI GABUNGAN PEMBANGKANG SELAIN ANGGKATAN PERPADUAN UMMAH, IAITU GAGASAN RAKYAT.

+ORANG-ORANG INI KONONNYA BARISAN PENGGANTI NAK GANTI KERAJAAN SEKARANG. KALAU AWAL-AWAL TAK BOLEH BEKERJASAMA SAYA TAK NAMPAK MACAM MANA MEREKA BOLEH MENGGANTIKAN KERAJAAN. -- LAGI

MAHATHIR - CHONG EU 3 JITRA

+MEREKA TAK BOLEH DUDUK SATU MEJA PUN. DALAM KABINET, KITA KENA DUDUK SEMEJA BARU BOLEH BERUNDING. KALAU ADA KABINET YANG MANA TENGKU RAZALEIGH DUDUK CAKAP DENGAN SATU PIHAK, KEMUDIAN PANGGIL PULAK PIHAK LAIN MASUK, CAKAP DENGAN PIHAK SATU LAGI, SAYA TAK NAMPAK BOLEH ADA PERTUKARAN KERAJAAN,+ KATANYA.

+KONONNYA ADA SISTEM DUA PARTI. MANA ADA DUA PARTI...ADA TIGA, EMPAT PARTI,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI TINDAKAN BERJASA DI KEDAH, PERLIS, PERAK DAN PULAU PINANG KELUAR DARIPADA GABUNGAN ANGGKATAN PERPADUAN UMMAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MEREKA YANG MASIH BERADA DALAM GABUNGAN ITU TERDIRI DARIPADA GOLONGAN YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN PERIBADI. --